

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 94**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menjelaskan tanggungjawab dan skop tugas Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council – EAC*) yang baru ditubuh. Adakah laporan kajian penuh yang dihasilkan daripada Majlis tersebut akan diterbitkan kepada rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (dengan izin *Economic Action Council* atau (EAC)) pada 11 Februari 2019 berdasarkan situasi semasa dan sebagai respons untuk menangani masalah yang melibatkan kepentingan sosioekonomi rakyat. EAC akan meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi, kewangan serta kebajikan rakyat.
2. EAC juga berperanan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua kelompok pemegang taruh termasuk pakar-pakar daripada pelbagai bidang di luar Kerajaan. Kombinasi input serta pandangan swasta dan kerajaan akan membolehkan satu penyelesaian yang holistik, seterusnya akan memberi manfaat yang optimum kepada rakyat.
3. Matlamat utama EAC ini adalah untuk merencanakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan

kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC juga akan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah suatu badan yang bersifat *action-oriented* dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.

4. Pada masa ini, inisiatif dan langkah untuk merancang pertumbuhan ekonomi, memastikan pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat yang diputuskan dalam Mesyuarat EAC diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, selaku pengerusi EAC. Pengumuman ini dibuat melalui sidang media yang diadakan selepas mesyuarat EAC ataupun melalui kenyataan media.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019